

# Akujanji: CUEPACS sedia berbincang

UM 3 SEP 2001

**K**UALA LUMPUR 2 Sept. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyambut baik hasrat kerajaan untuk memberi penerangan mengenai cadangan mengenakan peraturan akujanji terhadap guru-guru.

Presidennya, Datuk N. Siva Subramaniam berkata, CUEPACS sedia bertemu dengan kerajaan dengan fikiran terbuka bagi membolehkan mereka bukan sahaja mendengar tetapi juga meluahkan perasaan mereka kepada kerajaan.

“Ini akan memberikan peluang kepada kita untuk berbincang dari ‘hati ke hati’ mengenai peraturan akujanji itu,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika

mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri. Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan menjelaskan mengenai kebaikan peraturan itu kepada CUEPACS.

Perdana Menteri menyatakan, penjelasan perlu dibuat bagi membolehkan CUEPACS selaku wakil lebih 800,000 kakitangan awam, yang menolak pelaksanaan peraturan akujanji itu memahami kebaikan yang dibawa olehnya.

Selasa lalu, Setiausaha Agung CUEPACS, Abdul Rahman Manan menyatakan, kesatuan itu menolak kerana guru dan kakitangan awam telah sedia terikat dengan Perintah Am dan Peraturan Pegawai-Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Katanya, kedua-dua peraturan

itu sudah cukup untuk memastikan semua kakitangan awam berkelakuan baik.

Beliau turut menyatakan kebimbangan CUEPACS bahawa peraturan itu boleh ‘memakan diri’ dan menambahkan lagi rasa tidak puas hati terhadap kerajaan.

Menurut Siva, CUEPACS akan lebih berterima kasih sekiranya Perdana Menteri sendiri dapat memberikan penjelasan mengenai perkara itu kelak selaku pembuat dasar tertinggi.

“Kami sentiasa menghargai nasihat Perdana Menteri dan yakin beliau ada maklumat terkini untuk meyakinkan kami.

“Elok juga CUEPACS diberi peluang untuk bertemunya kerana kami ada pandangan kami sendiri untuk dijelaskan kepada Perdana Menteri,” katanya.